

Headline	Rindu 10 tahun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	12	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	421 cm ²
Journalist	Siti Nor Hidayatidayu Razali	AdValue	RM 16,521
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,563



Rindu 10 tahun

■ Lelaki dibuang akibat HIV malu jumpa keluarga

Oleh Siti Nor Hidayatidayu Razali

sitinor@hmetro.com.my

Kota Bharu

Akibat mengambil dadah, saya dijangkiti HIV dan penderitaan saya tak berhenti di situ apabila turut dibuang keluarga dan bercerai dengan isteri.

“Kini sudah 10 tahun saya tidak bertemu mereka, malah langsung tidak dapat mendekati anak sendiri. Saya rindu mereka,” luah Azmi, 40, yang menghuni rumah Persatuan Perantaraan Pesakit Kelantan (SAHABAT) di Jalan Pintu Geng, di sini.

Dia yang berasal dari Jeli menceritakan penderitaan dihadapi kerana ketagihan pada dadah yang kronik sehingga dijangkiti HIV dan kehilangan insan tersayang.

Katanya, walaupun sudah berkahwin dan mempunyai lima anak, kegemarannya terhadap dadah sukar dikikis kerana sudah menjadi penagih tegar sejak berusia 19 tahun.

“Saya berkahwin pada 1999, namun perkahwinan

hanya bertahan lima tahun saja, salah satu punca kerana ketagihan saya kepada dadah.

“Ketika anak bongsu masih bayi (kini sudah 10 tahun) sekitar 2005, saya dimasukkan ke Pusat Rawatan dan Pemulihan (CCRC) Jeli untuk rawatan dan disahkan positif HIV.

“Sejak itu, hubungan dengan keluarga semakin renggang dan bekas isteri menuntut cerai. Saya cuba kembali kepada keluarga, namun mereka tidak lagi mahu melihat saya.

“Saya mula hidup sebagai gelandangan dan makan serta tidur di mana saja. Saya juga lakukan pelbagai kerja untuk mendapatkan wang,” katanya ketika ditemui, semalam.

Azmi berkata, kekerapannya sakit terutama demam yang berpanjangan menyebabkan dia dibuang kerja dan tidak mempunyai pendapatan, sekali gus meminta simpati masyarakat untuk sesuap nasi.

Katanya, kadangkala dia tidak makan sehari-hari kerana tiada wang untuk

membeli nasi dan hidupnya merempat, namun dia reda kerana sedar itu adalah balasan atas kesalahan lalu.

“Saya terima semua ini balasan kerana kesilapan lalu saya,” katanya yang terpengaruh dengan rakan dan mula berkongsi jarum ketika menagih dadah selepas dua tahun terbabit dalam kegiatan itu.

Kini, katanya, dia menyesali setiap perbuatan lampau dan bersyukur menghuni rumah SAHABAT yang membantunya pulih daripada penagihan.

Harapannya, mahu menemui semula lima anak dan memeluk mereka walaupun seketika kerana merindui mereka selain mahu menjadi bapa yang bertanggungjawab.

Seorang bekas penagih dadah mahu dikenali sebagai Din, 41, yang mempunyai dua anak berkata, dia juga menjadi hamba dadah ketika masih remaja lagi.

Katanya, akibat dadah dia menghidap HIV sejak sem-

bilan tahun lalu dan dibuang keluarga serta masyarakat kerana dianggap kotor dan tidak berguna.

“Selepas disahkan positif HIV, bekas isteri terus minta cerai dan hak jagaan dua anak lelaki yang kini berusia 17 dan 15 tahun diserahkan kepadanya.

“Saya langsung tidak dibenarkan melihat dan berjumpa dengan anak yang kini menetap di Johor Bharu kerana bekas isteri bekerja di sana. Sejak itu hubungan saya dengan anak terputus dan tidak tahu bagaimana cara untuk mencari mereka,” katanya.

Menurutnya, kesilapan mengambil dadah bukan saja memusnahkan masa hadapan, malah menghardikan kebahagiaan rumah tangga yang dibina serta memutuskan tali persaudaraan dengan keluarga.

Din menasihati golongan belia supaya menjauhkan diri daripada mereka yang mengambil dadah kerana tidak mahu masa depan mereka musnah.

Headline	Rindu 10 tahun		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	06 Aug 2015	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	12	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	421 cm ²
Journalist	Siti Nor Hidayatidayu Razali	AdValue	RM 16,521
Frequency	Daily	PR Value	RM 49,563

